

Daripada Sisa Organik Menjadi Kompos

written by Hazrul | 01/06/2023



Bagaimana kompos dapat membantu kita dalam menjadi sebuah negara yang lebih lestari?

Amalan pembuangan sisa makanan di Malaysia semakin membimbangkan. Menurut kajian oleh [Poverty Pollution Persecution](#) (2019), jumlah makanan yang dibazirkan oleh rakyat Malaysia cukup untuk memberi makan kepada 12 juta orang sehari. Peratusan sisa pepejal yang dilupuskan di tapak pelupusan yang terdiri daripada makanan adalah tinggi (55%). Realitinya ialah sisa makanan ini berada di tapak pelupusan sampah Malaysia, dan kita semakin kehabisan ruang. Sehingga tahun 2018, Malaysia mempunyai 170 buah tapak pelupusan sampah dan hanya 14 buah tapak yang berstatus '[sanitary landfill](#)'.

Untuk mengurangkan sisa makanan, agama memainkan peranan penting. Kitab al-Quran mengungkap kalimah "*ikhwan syayathin*" (saudara syaitan) di dalam [Surah Isra' ayat 27](#): "Sesungguhnya orang yang membazir itu ialah saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya". Ayat ini telah membangkitkan soal pembaziran, dan jelas sekali bahawa ini ialah suatu kecaman terhadap sesiapa yang suka membazir. Oleh itu, ibu bapa harus mengajar anak-anak di rumah dan harus menjadi teladan mereka untuk mengetahui betapa berharganya makanan tersebut.

Daripada aspek pendidikan formal, guru boleh mendidik murid-murid daripada peringkat awal tentang cara menanam sayur-sayuran untuk mengetahui usaha yang diambil di sebalik mendapat hasil tanaman tersebut. Selain itu, guru juga boleh membangkitkan rasa seronoknya berkebun dengan membuat kompos dari sisa makanan (atau sisa dapur) dan menggunakan kompos ini sebagai baja untuk tanaman. Ini sekali gus dapat membantu dalam mengurangkan sampah sisa makanan di Malaysia, yang membebaskan gas metana dan menyebabkan terjadinya pemanasan global.

Apakah itu kompos? Kompos ialah baja organik yang terhasil daripada proses pereputan atau penguraian bahan-bahan organik yang disebabkan oleh interaksi antara mikro-organisma atau bakteria pengurai di dalam bahan organik tersebut.

Kompos mampu membaiki pulih tanah yang lesu atau rosak disebabkan oleh penggunaan baja kimia yang berterusan serta membekalkan nutrien yang lengkap kepada tanaman untuk kekal subur dan meningkatkan hasil.

Dalam pembuatan kompos, sisa organik terbahagi kepada bahan hijau (bahan basah dan kaya dengan unsur nitrogen) dan perang (bahan kering dan kaya dengan unsur karbon). Contoh

bahan hijau ialah sisa makanan, sisa tanaman, tinja haiwan ternakan, dan hampas teh atau kopi, manakala contoh bahan perang ialah sisa ranting dan dahan, habuk kayu, serta kadbod. Kedua-dua bahan ini memainkan peranan dalam menentukan masa yang diambil untuk menjadi kompos.



Secara asasnya, pengkomposan hanya memerlukan timbunan buangan di kawasan luar dan menunggu bahan-bahan tersebut terurai selama tempoh enam minggu atau lebih. Kaedah kompos boleh dilakukan dengan cara-cara berikut:

- [Vermikompos](#) (cacing) atau kompos larva serangga (*black soldier flies* dan kumbang)
- [Aerobik](#) (dengan kehadiran oksigen menggunakan kompos tidak berbau)
- [Anaerobik](#) (tanpa kehadiran oksigen dengan menggunakan kompos berbau).

Cara yang mudah untuk melakukan kompos terutamanya dari sisa makanan atau sisa dapur adalah seperti berikut:

1. Sediakan bahan membuat kompos:
 1. Sebuah bekas yang berukuran besar dengan penutup (seperti tong atau baldi)
 2. Tanah
 3. Sisa organik
 4. Cairan penggalak kompos (sebagai bahan penggalak)
2. Masukkan 2 cedok tanah ke dalam bekas kompos. Kemudian taburkan sisa terus ke dalam bekas tersebut.
3. Jika ada cairan penggalak kompos, semburkan pada keseluruhan permukaan sisa, kemudian masukkan tanah secukupnya untuk menutupi sisa tersebut.
4. Tutup bekas dan biarkan sekitar tiga minggu. Untuk mendapatkan kompos yang berkualiti, pastikan bekas kompos tidak tercemar oleh air hujan dan dilindungi daripada gangguan haiwan sepanjang proses pereputan.

Kompos terhasil apabila mendapati sisa organik tidak seperti rupa yang asal dan bertukar kepada warna keperangan, serta jumlahnya susut sehingga 30%. Kompos ini boleh terus digunakan pada tanaman. Pada masa yang sama, kompos dapat mengurangkan beban terhadap alam sekitar dan memastikan bahawa sisa makanan terbuang tidak dijadikan sampah biasa, malah dikembalikan kepada alam sekitar sebagai baja untuk tanaman.

Di samping membekalkan makanan untuk seisi keluarga, bercucuk tanam juga sedikit sebanyak dapat menurunkan suhu bumi jika semua orang dalam dunia melakukannya.

“Sayangilah Bumi kita; mari bercucuk tanam agar generasi akan datang dapat menghirup udara yang segar dan percuma.”

Disediakan oleh:

Nur'Aishah binti Ahmad Shahrim

Pegawai Kanan

[AM PM International Sdn Bhd](#)